

21/06/1997

Razali bidas sikap negara kaya

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB), Jumaat - Presiden Perhimpunan Agung PBB dari Malaysia, Tan Sri Razali Ismail, meluahkan rasa kecewanya terhadap negara kaya kerana belum mencapai persetujuan mengenai sasaran memperbaiki alam sekitar dunia dan membantu ekonomi negara membangun.

"Jangan harapkan apa-apa yang besar daripada mereka," kata Razali, menjelang Sidang Kemuncak Bumi, beberapa hari lagi.

Razali adalah perencana dan penggerak Sidang Kemuncak Bumi pertama di Rio de Janeiro lima tahun lalu dan pengerusi sesi minggu depan.

"Banyak pihak mempunyai pandangan ke belakang, dan wujudnya rasa tidak berminat di kalangan negara maju yang hanya mahu menjaga diri sendiri," katanya dalam satu sidang akhbar.

"Ketika ini, semuanya keruh. Kita perlukan sasaran dan keutamaan untuk sesi kali ini," katanya.

Lebih 65 pemimpin dunia, termasuk Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, akan berkumpul di PBB mulai 23-27 Jun ini, untuk menilai keputusan yang diambil dalam sidang Rio, bertujuan memelihara alam sekitar bagi generasi depan.

Sehingga kini, persidangan tidak membawa apa-apa kemajuan kerana kemarahan di kalangan negara membangun mengenai bantuan yang bertujuan memperbaiki alam sekitar tidak disalurkan oleh negara kaya, yang bertanggungjawab terhadap pencemaran dunia.

Malahan, tahap bantuan bukan tentera menurun di kalangan negara maju, terutama Amerika, kata Razali. Negara miskin berkata jika Utara mencapai pertumbuhan ekonomi dengan mencemarkan dunia, mereka perlukan sikit bantuan supaya tidak melalui laluan yang serupa.

"Tiada kefahaman jelas di Rio bahawa model pembangunan di Utara tidak lagi dapat ditanggung kerana ia menghabiskan banyak sumber. Apa yang pasti, banyak sangat politik belakang pintu," kata Razali.

Menunjukkan kekecewaan di kalangan negara membangun, Razali berkata, kebanyakan mereka tidak menghantar perwakilan peringkat tinggi seperti yang dihantar ke Rio, termasuk kerajaan Malaysia, selain India.

Beliau berkata, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahunya bahawa janji yang dibuat di Rio tidak ditepati dan negara di Selatan diberi janji yang tidak sewajarnya. - Reuter

(END)